

**KENYATAAN MEDIA  
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
SESI 2025/2026**

**PERKEMBANGAN KES ALLAHYARHAM SYAMSUL HARIS SHAMSUDIN & PENDIRIAN  
MPP TERHADAP KESELAMATAN MAHASISWA**

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mengambil maklum dan mengikuti rapat perkembangan kes tragis yang menimpa rakan mahasiswa kita, Allahyarham Syamsul Haris Shamsudin yang telah kembali ke Rahmatullah pada 28 Julai 2025 yang lalu.

Susulan pendakwaan terhadap tiga orang jurulatih di bawah Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi pada 27 Februari lalu, pihak MPP ingin menyatakan pendirian rasmi seperti berikut:

**1. Ucapan Takziah dan Solidariti Bersama Keluarga**

Pihak MPP sekali lagi merakamkan ucapan takziah yang sedalam-dalamnya kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham Syamsul Haris. Kami berdiri teguh bersolidariti bersama keluarga Allahyarham dalam menuntut keadilan yang sewajarnya. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman.

**2. Kepercayaan kepada Proses Undang-Undang**

Kami menyambut baik tindakan pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) dan pihak berkuasa yang memandang serius kes ini sehingga membawa kepada proses pendakwaan. MPP meletakkan kepercayaan penuh kepada sistem kehakiman negara untuk mengendalikan perbicaraan ini secara telus dan adil.

**3. Ketegasan Terhadap Keselamatan dan Kebajikan Mahasiswa**

MPP menegaskan bahawa keselamatan, nyawa dan kebajikan mahasiswa adalah keutamaan tertinggi yang tidak boleh dikompromi sama sekali. Walaupun latihan badan beruniform menuntut disiplin fizikal dan mental yang tinggi, ia tidak seharusnya melepasi batas kemanusiaan sehingga meragut nyawa atau melibatkan sebarang unsur penderaan.

**4. Gesaan Semakan Semula SOP Latihan Beruniform**

Kami menggesa pihak Pengurusan Universiti, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk segera meneliti dan menyemak semula

Prosedur Operasi Standard (SOP) latihan bagi semua badan beruniform di institusi pengajian tinggi. Mekanisme pemantauan yang lebih ketat perlu diwujudkan bagi memastikan insiden hitam seperti ini tidak berulang pada masa hadapan.

#### 5. Nasihat kepada Seluruh Mahasiswa

Pihak MPP menyeru seluruh mahasiswa agar bertenang, menghormati proses undang-undang yang sedang berjalan dan mengelakkan daripada menyebarkan sebarang spekulasi tidak berasas yang boleh mengganggu perbicaraan mahkamah.

Keadilan untuk Allahyarham Syamsul Haris adalah manifestasi keselamatan untuk seluruh mahasiswa. Kami tidak akan berhenti memantau perkembangan kes ini demi memastikan keadilan ditegakkan.

Sekian, terima kasih.

### ***"TRANSFORMASI MAHASISWA"***

Majlis Perwakilan Pelajar  
Universiti Teknologi Malaysia  
Sesi 2025/2026

**2 Mac 2026**